

**Muhyiddin Bertarawih Di Masjid Ulul Albab  
Bernama  
24 Julai, 2013**

KUALA BESUT, 24 Julai (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin malam ini menunaikan solat Isyak dan tarawih di Masjid Ulul Albab Seberang Jertih di sini.

Ketibaan beliau di masjid yang dikenali sebagai 'masjid kayu' pada kira-kira 8.30 malam disambut anggota jawatankuasa masjid dan para jemaah.

Hadir sama Menteri Besar Datuk Seri Ahmad Said dan Menteri Pelajaran Kedua Datuk Seri Idris Jusoh.

Muhyiddin berada di sini sempena pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Kuala Besut.

Pilihan raya kecil itu melibatkan pertandingan satu lawan satu antara calon Barisan Nasional (BN) Tengku Zaihan Che Ku Abd Rahman dan calon PAS Endot@Azlan Yusof.

Terdahulu, Timbalan Perdana Menteri berbuka puasa di Tanjong Demong Beach Resort dan bersolat maghrib di surau tempat berkenaan.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=965924>